

Kawal rasuah sektor awam

SAUDARA PENGARANG,

STATISTIK Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang menunjukkan 46.3 peratus daripada 4,860 orang ditangkap bagi kesalahan rasuah dari 2014 hingga Jun tahun ini adalah kakitangan kerajaan membuktikan gejala rasuah kian serius di sektor awam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya dilaporkan berkata, kebanyakan kesalahan rasuah dilakukan kakitangan bahagian perolehan dan tinjauan suruhanjaya itu turut mendedahkan 22.1 peratus responden dalam sektor awam mengakui mereka sanggup menerima rasuah jika memegang kuasa.

Implikasi rasuah penjawat awam sangat besar. Salah laku mereka akan menyebabkan kerugian berbilion ringgit apabila peruntukan untuk rakyat tidak sampai kepada kumpulan sasar. Kita perlu menerima hakikat bahawa rasuah di Malaysia amat membimbangkan dan ia perlu ditangani di peringkat awal.

Subjek baharu mengenai integriti perlu diperkenalkan atau sekurang-kurangnya dimasukkan ke dalam semua program latihan atau sukatan pelajaran sedia ada bagi kakitangan awam termasuk yang dilaksanakan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

Pada masa sama, kerajaan harus memperkenalkan kurikulum baharu di sekolah bagi membolehkan pelajar mempelajari kesan negatif rasuah dan mengapa ia tidak boleh diterima. Masanya amat bertepatan kerana nilai murni dan integriti harus disemai

dalam kalangan generasi muda semasa mereka masih bersekolah.

Ia dapat membantu mengembangkan budaya jujur dan amanah agar menjadi cara hidup kepemimpinan negara pada masa hadapan. Ini penting kerana dilaporkan sejumlah 2,238 belia terlibat dengan rasuah telah ditahan dari 2013 hingga Mei 2017.

Kajian yang dijalankan SPRM terhadap 1,000 pelajar universiti turut mendapati 16 peratus daripada mereka sanggup menerima rasuah dan 18.5 peratus akan menerima rasuah jika mereka tidak perlu berhadapan dengan sebarang tindakan.

Satu lagi tinjauan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) pula mendedahkan, seorang daripada setiap tiga pelajar universiti tempatan berpendapat menerima hadiah dalam bentuk wang, barangan atau perkhidmatan sebagai balasan untuk perkhidmatan diberikan bukan rasuah.

Sistem audit dalaman

dalam kementerian dan jabatan kerajaan juga perlu diperkukuhkan supaya kawalan pengurusan dana awam yang lebih baik dapat dilaksanakan. Sistem audit dalaman juga mestilah efektif dan cekap untuk mengesan penyelewengan. Sistem semak dan imbang perlu dibuat dalam proses kelulusan dan perolehan supaya tiada ruang untuk penipuan.

Sistem pemantauan juga perlu diperkukuhkan supaya keberkesanan kawalan dan integriti urus niaga dapat dinilai dengan berkesan. Saya percaya pemupukan nilai murni dan etika serta kepatuhan terhadap aku janji tadbir urus yang baik adalah cara paling berkesan untuk memerangi amalan rasuah dalam perkhidmatan awam.

TAN SRI LEE LAM THYE

Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)



STATISTIK SPRM menunjukkan 46.3 peratus daripada 4,860 orang yang ditangkap bagi kesalahan rasuah dari 2014 hingga Jun tahun ini adalah kakitangan kerajaan. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN